**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)**
**NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI**
**HARGA ZAKAT FITRAH NEGERI SELANGOR TAHUN 1421H/2000M**

## 1. TAJUK PERSOALAN

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor bagi menetapkan satu kadar harga bagi zakat fitrah Negeri Selangor tahun 1421H/2000M.

## 2. PERBINCANGAN

2.1 Berdasarkan pengiraan yang harga-harga beras yang dikeluarkan oleh pihak BERNAS mengikut gred seperti jadual di bawah:

| HARGA BERAS MENGIKUT JENIS | PURATA | HARGA BERAS MENGIKUT SUKATAN FITRAH(2.27KG) | HARGA FITRAH |
|---|---|---|---|
| **GRED 1**<br>**RM 1.65**<br>**RM 1.06**<br>**RM 0.99**<br>**RM 2.85**<br>**RM 3.20** | **<u>9.75</u>**<br>**5**<br>**RM 1.95** | **RM 1.95 x 2.27**<br>**=RM 4.43** | **RM 4.43** |
| **GRED 2**<br>**RM 1.65**<br>**RM 1.06**<br>**RM 0.99**<br>**RM 2.22**<br>**RM 1.94** | **<u>7.86</u>**<br>**5**<br>**RM 1.**<br>**572** | **RM 1.572 x 2.27**<br>**= RM 3.57** | **RM 3.57** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| GRED 3<br>RM 1.65<br>RM 1.06<br>RM 0.99<br>RM 1.65 | <u>5.34</u><br>4<br><br>RM 1.34 | RM 1.34 x 2.27<br>=RM 3.04 | RM 3.04 |
| PURATA HARGA FITRAH | <u>RM 4.43 + RM 3.57 +RM 3.04</u><br>3 | | RM 3.68 |

2.2 Bagi beras dari jenis gred 1, harga fitrah ialah RM 4.43 manakala dari jenis gred 2, harga fitrah ialah 3/57 dan gred 3 harga fitrah ialah 3.04. purata daripada ketiga-tiga gred tersebut, harga zakat fitrah yang didapati ialah 3.68 iaitu sebanyak RM 3. 70 kepada titik perpuluhan yang hampir.

2.3 Melihat kepada pengiraan yang dilakukan terfadap harga-harga beras runcit, didapati kadar harga fitrahnya lebih tinggi berbanding kadar harga beras BERNAS. Dengan demikian kita mendapati harga beras bagi gred 1 ialah RM 4.96, bagi gred 2 ialah RM 4.03 dan bagi gred 3 ialah RM 3.44. Purata daripada ketiga-tiga gred tersebut ialah RM 4.10 kepada titik perpuluhan yang hampir.

2.4 Purata yang diperolehi daripada kedua-dua harga tersebut ialah RM 3.91 iaitu RM 3.90 kepada titik perpuluhan yang hampir.

## 3 <u>KEPUTUSAN</u>

Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Negeri Selangor telah sebulat suara memutuskan bahawa:-

3.1 Cadangan Pusat Zakat Selangor untyuk meningkatkan bayaran kadar zakat iaitu sebanyak RM 3.90 seorang bagi tahun 1421H/2000M.

3.2 Ini adalah disebabkan:-

3.2.1 Harga Beras telah naik dari tahun ke tahun.

3.2.2 Walaupun beras merupakan harga kawalan namun harga beras dipasaran tidak semuanya sama dan dapat dikawal.

3.2.3 Rata-rata pembeli masih mampu membeli beras-beras yang berkualiti yang mana harganya lebih mahal dan tinggi.